

EFIKASI KENDIRI GURU PENDIDIKAN KHAS LEPASAN PROGRAM INTERVENSI TAMBAH OPSYEN (PITO) IPG KAMPUS TUN HUSSEIN ONN BATU PAHAT

MOHD ROSMAN SALUBIN¹, NORASHIKIN JASMON, DR. SITI AMINAH KUSIN
IPG Kampus Tun Hussein Onn
rosman@iptho.edu.my

ABSTRAK

Efikasi sendiri merujuk kepada kepercayaan individu terhadap keupayaan mereka untuk menyelaras dan melaksanakan tindakan yang diperlukan untuk mencapai hasil yang diinginkan. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap efikasi guru dalam kalangan graduan lepasan Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO). Kajian ini juga bertujuan melihat perbezaan efikasi sendiri guru berdasarkan jantina dan tahap murid yang diajar. Seramai 39 orang guru lepasan Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO) Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn (IPGKTHO) telah terlibat dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan instrumen "Teacher Sense of Efficacy Scale" dalam mengumpul data dan data dianalisis menggunakan aplikasi Statistical Package for the Social Sciences (SPSS). Dapatan kajian menunjukkan min kecekapan guru adalah tinggi (min=6.91). Tambahan lagi, dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam efikasi sendiri guru berdasarkan jantina atau tahap penguasaan pelajar. Kajian ini mencadangkan institusi yang melatih guru pendidikan khas perlu mempertimbangkan semula kurikulum latihan mereka bagi meningkatkan kecekapan guru pendidikan khas.

Kata kunci: Andragogi, Pembangunan Profesional Guru, Pendidikan Khas, efikasi sendiri, graduan pendidikan khas.

1.0 PENDAHULUAN

Menurut Tschannen-Moran dan Woolfolk-Hoy (2001) efikasi guru adalah pertimbangan guru terhadap keupayaannya untuk mencapai hasil yang diharapkan dalam penglibatan dan pembelajaran murid, walaupun ada di antaranya murid yang sukar dan tidak bermotivasi. Ini kerana guru penting dalam menentukan kejayaan pelajar dan kecemerlangan sekolah. Namun dapatan kajian lepas melaporkan bahawa guru sering hilang keyakinan diri atau efikasi sendiri dan hilang tumpuan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) sekaligus menyebabkan kompetensi pengajaran lemah (Bity Salwana Alias, Ahmad Basri Yussof, Ramlee Mustapha & Mohammed Sani Ibrahim, 2007). Keadaan ini akan menyebabkan semangat guru menjadi lemah dan kualiti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas menjadi kurang berkesan. Kajian yang dijalankan di Tennessee, Amerika Syarikat pada pertengahan tahun 1990-an menunjukkan bahawa secara relatif, guru berprestasi tinggi dapat meningkatkan pencapaian murid sehingga 50 poin persentil dalam tempoh tiga tahun berbanding guru berprestasi rendah (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025)

2.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah :

- i. Menentukan aras efikasi sendiri guru pendidikan lepasan Program PITO yang mengajar di sekolah rendah dan menengah di negeri Johor.
- ii. Melihat samada terdapat perbezaan min efikasi sendiri berdasarkan jantina guru
- iii. Melihat samada terdapat perbezaan min efikasi sendiri berdasarkan tahap murid yang diajar

3.0 KAJIAN LITERATUR

Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa efikasi guru di Malaysia adalah tinggi, namun terdapat kajian yang menunjukkan kontradik iaitu dapatan kajian yang sebaliknya (Rosman 2017;Khalid Johari, 2012; Mohd Yusri Ibrahim, 2012; Khalid Johari, Zurida Ismail, Shukri Osman dan Ahmad Tajuddin Othman, 2009; Zaidatul Akmaliah Lope Pihie *et al.*, 2005; Bity Salwana Alias, Ahmad Basri Yussof, Ramlee Mustapha & Mohammed Sani Ibrahim, 2007; Maguire, 2011 & Sandoval, 2010). Tetapi dapatan kajian Ishak Sin (2001) dan Hipp (1996) menunjukkan efikasi guru adalah pada tahap sederhana dan dapatan ini adalah selari dengan dapatan OECD TALIS (2009).

Guru Pendidikan khas merupakan guru yang mengajar murid-murid yang kategori berkeperluan pendidikan khas (MBPK). Menurut Heward (2003) MBPK terdiri daripada kanak-kanak yang mempunyai ciri-ciri mental, fizikal dan emosi yang berbeza dari norma sehingga memerlukan pendidikan yang khusus. Guru pendidikan khas mempunyai beban tugas dan tanggungjawab yang sama dengan guru biasa, tetapi perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berbeza daripada guru biasa.

Peranan sebagai guru pendidikan khas menuntut usaha dan masa malah melibatkan keupayaan emosi dan kognitif. Guru pendidikan khas bertanggungjawab menyediakan dokumen penilaian, penyediaan Rancangan Pendidikan Individu dan berhadapan dengan ibu bapa dan ahli profesional lain malah menuntut mereka bersabar dan dedikasi semasa menjalankan tugas (McDaniel & Diabella-McCarthy, 1989). Tambahan lagi, guru pendidikan khas perlu mahir dan pakar dalam mengatasi masalah yang dihadapi oleh muridnya (Chua & Koh, 1998).

Walaupun seorang guru pendidikan khas hanya perlu mengajar murid diantara 5 -10 orang satu kelas, tetapi tugas guru tidak mudah kerana muridnya terdiri daripada pelbagai ketidakupayaan berbanding mengajar murid di kelas biasa. Setiap murid di kelas pendidikan khas mempunyai kebolehan belajar yang berbeza-beza dan kaedah pengajaran yang digunakan berbeza-beza mengikut tahap kebolehan murid tersebut (Rayahin, 2010) . Guru Pendidikan Khas berinteraksi dengan kanak-kanak dengan kepelbagaian dan cabaran keperluan akademik. Dapatan kajian lepas menunjukkan 80% guru pendidikan khas melayan kanak-kanak dengan dua atau lebih masalah utama dan 32% pula berinteraksi dengan kanak-kanak yang mempunyai empat atau lebih masalah keupayaan utama (Billingsley,2002)

Bukan itu sahaja, bagi guru-guru novis pendidikan khas, tugas mengajar murid di dalam situasi yang mencabar dan terpaksa mengajar pelbagai kategori kanak-kanak tanpa diskriminasi merupakan satu tanggungjawab yang begitu mencabar. Sungguh pun, guru novis masih baru dengan profesyen guru dan komuniti sekolah, mereka dikelilingi dengan persekitaran serta tanggungjawab pengajaran yang serupa dengan guru berpengalaman; yang menuntut aplikasi pelbagai pengetahuan dan kemahiran pedagogi. Guru novis pendidikan khas yang ditempatkan di sekolah sering menghadapi masalah di awal kerjayanya kerana tidak mampu mengaplikasikan ilmu dan teori-teori yang dipelajarinya berbanding situasi sebenar (Ishak *et.al.*, 2010). Menurut Siti Zohara (2005) guru novis pendidikan khas tidak pandai mengajar kerana masih terikut-ikut pengalaman ada pada zaman persekolahan.

Manakala, dalam konteks kajian ini, guru-guru lepasan Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO) dianggap sebagai guru novis dalam bidang pendidikan khas. Ini kerana semua guru yang terlibat tidak mempunyai pengalaman mengajar MBPK. Disebabkan guru-guru ini berasal daripada pelbagai bidang. Guru-guru ini mengikuti kursus PITO selama satu tahun secara separuh masa dalam bidang pendidikan khas dan ditempatkan semula untuk mengajar MBPK samada di sekolah rendah dan sekolah menengah. Sehubungan ini kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti aras efikasi sendiri guru-guru ini sebagai satu usaha untuk meninjau tahap keberkesanan Kursus PITO.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Data dikumpul dengan menggunakan instrumen *Teacher Sense of Efficacy Scale* (TSES) yang mengandungi dua puluh empat item yang dibina oleh Tschannen-Moran dan Woolfolk-Hoy (2001). Instrumen TSES terbahagi kepada tiga dimensi, iaitu penglibatan murid (mengukur kesungguhan guru dalam memberi dorongan kepada murid), strategi pengajaran (kesungguhan guru dalam memberi kefahaman kepada murid) dan pengurusan kelas (kesungguhan guru dalam mengawal kelas) dan menggunakan sembilan poin skala pengukuran.

Soal selidik diedar kepada 39 orang guru pendidikan khas Lepas PITO, IPGKTHO. Guru-guru ini mengajar di Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Pembelajaran sekolah rendah dan menengah. Guru lelaki terdiri daripada 20 orang (51.3 %) manakala guru perempuan seramai 19 orang (48.7%). Dari aspek tahap murid yang di ajar, 24 orang guru (61.5%) mengajar MBPK sekolah rendah dan 15 orang (38.5%) mengajar MBPK sekolah menengah

Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan *Statistical Packages for Social Sciences* (SPSS versi 20.0). Analisis statistik yang digunakan ialah analisis diskriptif (min dan peratusan) dan analisis inferensi (ujian t).

7.0 DAPATAN KAJIAN

7.1 Aras Efikasi Kendiri

Analisis statistik deskriptif pada Jadual 1 menunjukkan taburan min efikasi sendiri guru dalam kalangan responden. Keputusan analisis menunjukkan efikasi guru novis Pendidikan Khas secara keseluruhannya berada pada aras sederhana tinggi ($M = 6.91$, $SD = 1.16$) berdasarkan skala sembilan poin yang digunakan. Efikasi guru novis Pendidikan Khas lebih tertumpu kepada keupayaan dalam penglibatan murid ($M = 6.98$, $SD = 1.12$); diikuti dengan strategi pengajaran ($M = 6.85$, $SD = 1.15$) dan pengurusan kelas ($M = 6.91$, $SD = 1.18$).

Jadual 1: Aras Efikasi Kendiri Guru Pendidikan Khas Lepas PITO (N=39)

	Min	SD
Efikasi Kendiri	6.91	1.16
Penglibatan Murid	6.98	1.22
Strategi Pengajaran	6.85	1.15
Pengurusan Kelas	6.91	1.18

7.1.1 Perbezaan Min Efikasi Kendiri Guru Pendidikan Khas Lepas PITO Mengikut Jantina

Berdasarkan Jadual 2, didapati min guru lelaki adalah lebih tinggi berbanding min guru perempuan dalam efikasi sendiri secara keseluruhannya. Namun secara signifikannya min efikasi sendiri tidak menunjukkan sebarang perbezaan berdasarkan faktor jantina. Ini kerana semua tahap signifikan yang diperolehi adalah lebih besar daripada 0.05 ($p < 0.05$). Ini menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan min efikasi sendiri guru novis lelaki dengan guru novis perempuan.

Jadual 2 : Keputusan Ujian-t Perbandingan Aras Efikasi Kendiri Berdasarkan Jantina

	Jantina	Bil.	Min	SD	Nilai-t	Tahap Signifikan
Efikasi Kendiri	Lelaki	20	6.95	1.18	0.98	0.839
	Perempuan	19	6.87	1.17		

7.1.2 Perbezaan Min Efikasi Kendiri Guru Pendidikan Khas Lepas PITO Mengikut Tahap Murid yang Diajar

Berdasarkan Jadual 3 didapati min guru yang mengajar di sekolah menengah adalah lebih tinggi berbanding min guru yang mengajar di sekolah rendah dalam efikasi sendiri secara keseluruhannya. Namun secara signifikannya min efikasi sendiri tidak menunjukkan sebarang perbezaan berdasarkan faktor tahap murid yang diajar, Ini kerana semua tahap signifikan yang diperolehi adalah lebih besar daripada 0.05 ($p < 0.05$). Ini menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan min efikasi sendiri guru yang mengajar di sekolah menengah adalah lebih tinggi berbanding min guru yang mengajar di sekolah rendah.

Jadual 3 : Keputusan Ujian-t Perbandingan Aras Efikasi Kendiri Berdasarkan Tahap Murid Diajar

	Jantina	Bil.	Min	SD	Nilai-t	Tahap Signifikan
Efikasi Kendiri	Menengah	15	6.95	1.18	0.98	0.839
	Rendah	24	6.87	1.17		

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan kepercayaan guru-guru pendidikan khas lepas PITO terhadap keupayaan dalam melaksanakan pengajaran berada pada aras yang sederhana tinggi. Dapatan kajian ini menyokong dapatan Khalid Johari, 2012, Mohd Yusri Ibrahim, 2012, Khalid Johari, Zurida Ismail, Shukri Osman dan Ahmad Tajuddin Othman, 2009, Zaidatul Akmaliah Lope Pihie *et al.*, 2005, Bity Salwana Alias, Ahmad Basri Yussof, Ramlee Mustapha & Mohammed Sani Ibrahim, 2007, Maguire, 2011 dan Sandoval, 2010 yang menunjukkan bahawa efikasi guru di Malaysia adalah tinggi. Namun begitu, aras efikasi sendiri ini adalah lebih rendah

berbanding dapatan kajian aras efikasi sendiri guru pendidikan khas di daerah Batu Pahat iaitu $\text{Min}=7.77$ (Rosman *et.al.* 2017). Dapatan menyokong pandangan (Ishak *et.al.*, 2010) yang menyatakan bahawa guru-guru novis biasanya mengalami masalah di peringkat awal kerjayanya.

Walaupun begitu, aras efikasi guru pendidikan khas lepasan PITO ini lebih tinggi daripada aras efikasi guru J-Qaf Pendidikan Khas yang sedang mengikuti Kursus KPLI (KDC) di IPG Kampus Tun Hussein Onn dalam kajian Rosman *et.al* (2010). Ini menunjukkan, guru novis pendidikan khas yang mempunyai pengalaman mengajar di kelas arus perdana mempunyai aras efikasi sendiri yang lebih tinggi di awal kerjaya mengajar MBPK berbanding guru novis pendidikan khas yang tiada pengalaman mengajar. Sehubungan itu, pemilihan guru-guru yang mempunyai pengalaman mengajar untuk menyertai latihan perguruan dalam pendidikan khas dilihat lebih efisien berbanding guru-guru yang tidak mempunyai pengalaman mengajar.

Walaupun berdasarkan analisis ujian-t tiada perbezaan min yang signifikan dalam semua dimensi efikasi sendiri guru novis lelaki dan guru novis perempuan tetapi hasil kajian ini mendapati guru novis lelaki mendominasi kesemua dimensi efikasi guru dan dapatan kajian ini selaras dengan dapatan kajian-kajian lepas (Rahmah *et. al.*, 2006; Khalid, 2009). Kecenderungan corak efikasi guru novis sedemikian mengukuhkan tanggapan sifat alamiah (nature) lelaki yang cenderung kepada kawalan.

Dapatan kajian ini juga memberi implikasi yang memerlukan pertimbangan serius dalam kalangan "stakeholders" yang bertanggungjawab dalam latihan guru pendidikan khas. Pihak yang terlibat dalam pengambilan calon guru pendidikan khas perlu sekurang-kurangnya mengimbangi bilangan mengikut jantina. Aspek menambah bilangan guru pendidikan khas lelaki dijangka dapat meningkatkan pengajaran dan pencapaian secara berkesan kerana kemampuan yang tinggi guru novis lelaki dalam aktiviti pembelajaran, melaksanakan pengajaran berkesan dan mengurus kelas.

Di samping, institusi yang bertanggungjawab mengendalikan latihan pendidikan guru pendidikan khas hendaklah lebih proaktif dalam mentafsirkan keperluan pengajaran guru-guru pelatih pendidikan khas sebelum mereka ditugaskan di sekolah-sekolah. Keperluan ini antaranya ialah mengambil langkah memperhalusi kurikulum pendidikan guru yang sedia ada bagi mempertingkatkan penguasaan pengetahuan pedagogi di kalangan guru pelatih. Antara aspek yang perlu diberi perhatian ialah kemahiran pengurusan tingkah laku kanak-kanak berkeperluan khas, kemahiran pengukuran dan penilaian murid berkeperluan khas serta kemahiran komunikasi interpersonal.

RUJUKAN

- Bandura, A. (1997). *Self-Efficacy: The exercise of control*. New York: W.H. Freeman.
- Bity Salwana Alias, Ahmad Basri Yussof, Ramlee Mustapha & Mohammed Sani Ibrahim. (2008). *Kompetensi pengetua sekolah menengah Malaysia dalam bidang pengurusan kurikulum*. Kertas kerja Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan-15 IAB, Genting Highland
- Chua Tee Tee & Koh Boh Boon (1992) *Pendidikan Khas dan Pemulihan: Bacaan Asas*. Kuala Lumpur. Kementerian Pelajaran Malaysia & Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Egger, K.J. (2006). An exploration of the relationships among teacher efficacy, collective teacher efficacy, and teacher demographic characteristics in conservative Christian schools (Unpublished doctoral dissertation). University Of North Texas.
- Gargulio, R. (2003). *Special Education in Contemporary Society: An Introduction to Exceptionality*. Belmont, CA; wadsworth/ Thompson Learning.
- Housego, B.E.J. (1990). Student teachers' feelings of preparedness to teach. *Canadian Journal Of Education*, 15, 37-56.
- Imants, J. G. M. & De Brabander, C. J. (1996). Teachers' and principals' sense of efficacy in elementary schools. *Teaching and Teacher Education*, 12(2): 179-195.
- Heward, W. (2003). *Exceptional Children: An Introduction to Special Education*. Upper Saddle River, NJ : Merrill Prentice Hall.
- Ishak Ismail, Mokhtar Tahar & Hanafi Yassin (2010). Guru Mentor dan Coaching Bantu Martabatkan Profesion Pendidikan Khas. *Proceddings First Annual Inclusive Education Practices Conference*: 30-38
- Jamila K.A Mohamed (2006). *Pendidikan Khas Untuk Kanak-Kanak Istimewa* . Selangor : PTS
- Khalid Johari. (2009). Pola Efikasi Guru-Guru Novis Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Learning & Instruction*. Vol. 6: 141-151.
- Khalid Johari, Zurida Ismail, Shuki Osman & Ahmad Tajuddin Othman. (2009). Pengaruh Jenis Latihan Guru dan Pengalaman Mengajar Terhadap Efikasi Guru Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34 (2) : 3-14
- Kurz, T. B. (2001). An exploration of the relationship among teacher efficacy, collective teacher effi cacy, and goal consensus. *Dissertation Abstracts International: Section The Humanities and Social Sciences*, 62(07).
- Marso, R.N. & Pigge, F.L. (1987). Differences between self perceived job expectations and job realities of beginning teachers. *Journal of Teacher Education*, 38(6), 53-56
- Mohammed Sani Ibrahim, Zamri Mahamod & Norasmah Othman (2006). Dalam Norasmah Othman, Zamri Mahamod & Mohammed Sani Ibrahim (peny.) *Pengenalan kesediaan profesionalisme guru novis* (pp 1-10). *Cadangan Modul Latihan*, Fakulti Pendidikan, UKM.
- Mohd Najib and Sanisah (2006) *Bias Pengajaran Guru Dalam Pelajaran Khas Dan Pelajaran Normal*. In: *Annual Conference on Teacher Education*, 6-8 Sept 2006, Kota Kinabalu, Sabah. (Unpublished)
- Mohd Yusri Ibrahim. (2012). *Model kepemimpinan pengajaran, efikasi dan kompetensi pengajaran*. Phd thesis, UMT, not published.

- Noriati A.Rashid, Boon Pon Ying & Wong Kiet Wah. (2010). Asas Kepimpinan dan Perkembangan Profesional Guru. Shah Alam. Oxford Fajar.
- Rahmah Murshidi, Mohd Majid Konting, Habibah Elias & Foo Say Fooi. (2006). Sense of efficacy among beginning teachers in Sarawak. *Teaching Education*, 17(3), 265-275.
- Rayahin Zarifah (2010). Perkhidmatan Dalam Pendidikan Khas Di Malaysia. *Proceddings First Annual Inclusive Education Practices Conference*. 30-38
- Rosman, et al., (2017). Efikasi Kendiri Guru Pendidikan Khas Sekolah Rendah. *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Khas dan Pemulihan, Kali Pertama 2017. PERKIP'17 Institut Pendidikan Guru Kampus Darul Aman*. 155-161.
- Siti Zohara Yassin. (2005). *Proses Sosialisasi Organisasi Guru Sandaran Terlatih(GST) dalam Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran Di Sekolah Menengah di Sarawak*. Phd Thesis. Fakulti Pendidikan, UKM Bangi
- Tschannen-Moran, M. & Woolfolk-Hoy, A. (2001). Teacher effi cacy: Capturing an elusive construct. *Teaching and Teacher Education*, 17, 783-805.
- Tschannen-Moran, M. & Woolfolk-Hoy, A. (2007). The differential antecedents of self-effi cacy beliefs of novice and experienced teachers. *Teaching and Teacher Education*, 23, 944–956.
- Woolfolk-Hoy, A. (2000 April). Changes in teacher efficacy during the early years of teaching. Paper presented in *Qualitative and Quantitative Approaches to Examining Efficacy in Teaching and Learning*. Annual Meeting of The American Educational Research Association, New Orleans, L.A.